

# Projek filem pendek Temasek tarik lebih sejuta tontonan *di media sosial*

► **NURMAYA ALIAS**  
nurmaya@spoh.com.sg

SEORANG nenek kelihatan berbicara dan bernesma dengan suaminya dalam filem pendek berjudul *Goldfish*.

Namun, di akhir filem itu, penonton akan sedar bahawa si nenek rupanya mengalami penyakit demensia.

Dalam filem *Helai Demi Helai* pula, seorang gadis autistik bernama Nurul dibuli kawan-kawan sekolahnya sehingga dia mengalami kemalangan tragik.

Ringkas temanya, tetapi kedua-dua filem ini cukup meninggalkan kesan emosi dan nilai kehidupan yang perlu direnungkan.

Menariknya, dua filem ini walaupun tampak profesional mutu produksinya, sebenarnya merupakan hasil karya dan arahan pelajar.

Dua filem itu merupakan antara 20 filem pendek yang dihasilkan untuk projek filem pendek, 20/20 – The Temasek Short Film Project, yang ditugaskan syarikat pelaburan Temasek dengan sokongan syarikat filem, mm2 Entertainment.

Projek itu dianggap berjaya dengan lebih sejuta tontonan dan maklum balas menggalakkan diraih menerusi media sosial.

Filem *Goldfish* telah menarik sekitar 44,000 tontonan, manakala *Helai Demi Helai* menarik lebih 97,000 tontonan melalui Facebook sejak ia ditayangkan sekitar Mei lalu.

Sebanyak 20 kumpulan pembuat filem muda daripada lapan pusat pengajian tinggi dipilih untuk menghasilkan 20 filem pendek.

Mereka berpeluang bekerjasama dengan tujuh pembuat filem mapan setempat termasuk Boo Junfeng, Boris Boo, Chai Yee Wai, Lee Thean Jean, Sanif Olek, Wee-Li Lin dan Wilson Yap.



**SAMBUTAN MEMBERANGSANGKAN:** Filem 'Helai Demi Helai' (antara 20 filem pendek projek filem 20/20 – The Temasek Short Film Project), turut menarik perhatian dengan sekitar 97,000 tontonan diraih melalui media sosial. Gambar menunjukkan kru penerbitan filem itu (dari kiri, depan), Encik Muhd Azizan Abdul Rahman; penerbit Cik Farah Dyanah Mohd Razid; pelakon Cik Masdiana Jumaat; dan (dari kiri, belakang), Encik Muztazam Mohd Shariff; pengarah Encik Tan Fu Wee; dan pelakon Cik Nurul Atiqah Haron. – Foto-foto KHALID BABA

Semua filem meliputi isu-isu sosial termasuk demensia dan autisme, diilhamkan daripada kisah sebenar pertubuhan dermawan yang tidak meraih keuntungan dan program kemasyarakatan yang disokong Temasek.

Berucap di majlis penutup projek itu kelmarin di pawagam The Projector, Pengarah Pengurusan Hal Ehwal Awam, Kumpulan Kemampanan dan Pengawasan, Encik Stephen Forshaw, berkata:

"Kami mencipta Project 20/20 untuk mengasah bakat pembuat filem muda dengan memberi mereka peluang menyampaikan cerita-cerita masyarakat dalam cara baru dan menyegarkan, menurut istilah dan pilihan format mereka."

Kisah *Goldfish*, tulisan dan arahan pelajar Politeknik Singapura, Encik Ashraf Arshad, 20 tahun, mencerminkan pengalamannya hidup sebumbung dengan neneknya yang berusia sekitar 80-an tahun, yang mengalami demensia.

"Saya tertarik dengan gelagat dan sikap nenek saya yang semakin mengalami kesan demensia, dan menerapkan ciri itu dalam cerita *Goldfish*.

"Misalnya, nenek saya selalu bercakap di depan cermin, tetapi berfikir bahawa bayangan dalam cermin itu adalah ibunya. Maka, filem itu bermain dengan konsep bayangan, identiti dan masa," kata Encik Ashraf.

Filem tersebut turut dihasilkan penerbit, Encik Abdul Fattah Mo-

hamed Anwar; dan penerbit bersama, Encik Dave Aquino.

Kisah menyayat hati mengenai gadis autistik dalam filem *Helai Demi Helai* juga diilhamkan daripada kisah sebenar seorang anak autistik kenalan pengarah filem itu, Encik Tan Fu Wee.


Encik Tan menerbitkan filem itu bersama Cik Farah Dyanah Mohd Razid, kedua-duanya lulusan diploma jurusan media penyiaran Maktab Seni Lasalle di bawah bimbingan pengarah mapan, Encik Sanif Olek.

Ita ditulis oleh Encik Jonathan Jude Christie dan disunting oleh Encik Luqman Nurhakim.

Salah seorang penonton filem tersebut bergelar Faruq Ariffin, telah memberikan komen yang posi-



**BEKERJASAMA:** Pelajar Encik Ashraf Arshad (kanan), penulis skrip dan pengarah; dan Encik Dave Aquino, penerbit, menghasilkan filem 'Goldfish' bersama seorang lagi rakan mereka, Encik Abdul Fattah (tiada dalam gambar).



**FILEM 'HELAI DEMI HELAI':** Tentang seorang gadis autistik. – Foto THE TEMASEK SHORT FILM PROJECT

tif mengenai filem itu menerusi Facebook.

Katanya: "Penjaga perlu kuat dalam usaha membesarkan anak autistik. Filem pendek ini juga memaparkan kerisauan yang selalunya kami sebagai penjaga anak autistik, hadapi apabila kami meletakkan mereka di pusat pendidikan..."

"Ingat, kanak-kanak atau orang dewasa yang mengalami autisme mungkin tidak memberi reaksi tetapi mereka ada perasaan..."

Cik Farah Dyanah pula berkata: "Kami gembira dapat menghasilkan filem yang bermakna ini menerusi projek filem ini. Menerusi cerita *Helai Demi Helai*, misalnya, kami berpeluang meningkatkan kesedaran orang ramai tentang autisme."

## Pelajar dipilih untuk terbit filem lebih panjang

SEORANG pelajar berpotensi, Encik Leroy Lim, 25 tahun, dari Maktab Seni Lasalle dan penerbit filem pendek 20/20 – The Temasek Short Film Project berjudul *I Believe*, telah dipilih oleh syarikat filem, mm2 Entertainment, untuk menerbitkan filem cetera atau cerita lebih panjang pertamanya.

Syarikat mm2 Entertainment telah menghasilkan beberapa filem popular seperti siri *Ah Boys to Men* dan *1965*.

Pengarah Pengurusan mm2 Entertainment, Encik Ng Say Yong, berkata: "Kami lihat ramai bakat menerusi 20/20 – The Temasek Short Film Project, dan Leroy antara yang cemerlang. Industri filem ini mencabar buat pembuat filem muda bertapak. Kami menantikan kerjasama daripada Leroy dan akan membantunya mencapai impian menghasilkan filem cetera pertamanya."

Encik Lim telah menerbitkan filem *I Believe* bersama dua lagi teman dari sekolahnya, pengarah Cik Nikko Koh; dan penulis skrip, Encik Dhinesh Ravichandran.

Mereka mendapat bimbingan daripada pengarah mapan, Cik Wee Li Lin.

Filem pendek *I Believe* selama 16 minit itu telah menarik lebih 130,000 tontonan melalui Facebook dan YouTube dan merupakan filem paling banyak ditonton daripada 20 filem yang dihasilkan untuk projek filem tersebut.

Pelakon popular *Ah Boys to Men*, Encik Maxi Lim, membintangi filem itu yang akan ditayangkan di sebuah pesta filem di Italy pada Disember ini. Pesta itu dianjurkan oleh mereka yang mengalami masalah Sindrom Asperger, sejenis masalah autisme yang menjejaskan interaksi sosial.

Encik Lim menambah: "Saya terharu dan ghairah berpeluang menceritakan suatu kisah peribadi yang menyentuh subjek yang bermakna. Sejujurnya, saya agak khuatir dengan tawaran menghasilkan filem cetera, tetapi saya akan berusaha menyampaikan cerita yang baik."

Berita Harian, Pg 10, 29 September 2016  
Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited.  
Permission required for reproduction

## **20/20: The Temasek Short Film Project attracted more than a million viewers on social media**

**ENCOURAGING RECEPTION:** The film 'Piece by Piece' (among the 20 films of 20/20: The Temasek Short Film Project), also attracted much attention garnering about 97,000 viewers via social media. Picture shows production crew (from left, foreground), Mr. Muhd Azizan Abdul Rahman; producer, Ms Farah Diyanah Mohd Razid; actress Ms Masdiana Jumaat; and (from left, background), Mr. Muztazam Mohd Shariff; director Mr. Tan Fu Wee; and actress Nurul Atiqah Haron. - Photographs KHALID BABA

**COOPERATION:** Student Mr. Ashraf Arshad (right) scriptwriter and director; and Mr. Dave Aquino, producer, made the film 'Goldfish' together with another friend, Mr. Abdul Fattah (not in picture).

**'Piece by Piece':** About an autistic girl – Photograph

A grandmother appears to be talking and showing affection to her husband in a short film titled *Goldfish*.

However, at the end of the film, audience will realise that the grandmother was actually suffering from dementia.

In the film 'Piece by Piece', an autistic girl named Nurul is bullied by her schoolmates until she got into a tragic accident.

The themes are succinct, but both films have effectively left behind an emotional impact and highlighted issues that are worthy of reflection.

More interestingly, although both films look professionally made, they are actually created and directed by students.

Both films are amongst the 20 short films produced for 20/20: The Temasek Short Film Project, commissioned by the investment company Temasek with the support of the film company mm2 Entertainment.

The project was concluded successfully with more than a million viewers and positive feedback on social media.

The film *Goldfish* attracted almost 44,000 viewers, while *Piece by Piece* attracted more than 97,000 viewers through Facebook since they released last May.

20 groups of young filmmakers from eight tertiary institutions were selected to produce 20 short films.

Berita Harian, Pg 10, 29 September 2016  
Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited.  
Permission required for reproduction

They were given the opportunity to work together with established local filmmakers including Boo Junfeng, Boris Boo, Chai Yee Wai, Lee Thean Jean, Sanif Olek, Wee- Li Lin and Wilson Yap.

All the films covered social issues including dementia and autism, and were inspired by true stories of the non-profit organisations and community programmes that are supported by Temasek.

Speaking at the closing ceremony of the project yesterday at The Projector cinema, Director of Public Relations, Sustainable Development and Stewardship, Mr Stephen Forshaw, said, "We created Project 20/20 to hone the talents of young filmmakers and to give them an opportunity to present community stories in a new and refreshing manner according to their own terms and chosen formats."

*Goldfish* is written and directed by Singapore Polytechnic student, Mr Ashraf Arshad, 20 years old. The film mirrors his own experience living under one roof with his 80-plus year-old grandmother who suffers from dementia.

"I was interested in the personality and behaviour of my grandmother who is diagnosed with dementia, and I incorporated those aspects into the story *Goldfish*.

"For example, my grandmother is always talking in front of the mirror as if her reflection was her mother. So, the film plays with the concept of imagery, identity and time," said Mr Ashraf. The film was produced by Mr Abdul Fattah Mohamed Anwar and co-producer Mr Dave Aquino.

The heart-wrenching story of an autistic girl in the film *Piece by Piece* was inspired by the true story of an autistic child who is an acquaintance of Mr Tan Fu Wee, the film's director.

Mr Tan produced the film with Miss Farah Diyanah Mohd Razid, both Diploma in Broadcast Media graduates from LASALLE College of the Arts, under the guidance of veteran director, Mr Sanif Olek.

It was written by Mr Jonathan Jude Christee and edited by Mr Luqman Nurhakim.

One of the viewers, Faruq Ariffin, wrote positive comments about the film via Facebook.

Berita Harian, Pg 10, 29 September 2016  
Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited.  
Permission required for reproduction

He wrote: "Caregivers have to be strong in raising an autistic child. This short film also portrays the anxieties that we, as caregivers of autistic children, always have whenever we place our children in the learning centres.

"These children or adults with autism may not show any reaction but they do have feelings."

According to Ms Farah Diyanah: "We are happy to be able to produce a meaningful film through this project. Through the story *Piece by Piece*, for instance, we had the opportunity to raise public awareness about autism."

### **Student selected to produce long form film**

A student recognised for his potential, Mr Leroy Lim, 25 years old, from LASALLE College of the Arts, who directed the short film entitled *I Believe* for 20/20: The Temasek Short Film Project, was selected by the film company, mm2 Entertainment, to produce his first feature film.

mm2 Entertainment Company has produced several popular films such as the *Ah Boys to Men* series and *1965*.

Managing Director of mm2 Entertainment, Mr Ng Say Yong, said, "We encountered many talents through 20/20: The Temasek Short Film Project, and Leroy was among those who stood out. This film industry is very challenging for young filmmakers to become established. We are eagerly looking forward to working together with Leroy and we hope to support him in achieving his dream to produce his first feature film."

Mr Lim produced the film *I Believe* with two other friends from his school, producer Ms Nikko Koh and scriptwriter, Mr Dhinesh Ravichandran.

They received guidance from veteran director, Ms Wee Li Lin.

The 16-minute short film *I Believe* attracted more than 130,000 viewers through Facebook and YouTube and was the film that received the highest viewership out of the 20 films that were produced for the project.

A popular actor from *Ah Boys to Men*, Mr Maxi Lim, starred in the film that will be shown at a film festival in Italy this December. The festival is organised by those who suffer from Asperger's Syndrome, a type of autism that affects social interaction.

Mr Leroy Lim shared, "I was moved and excited to be given the chance to tell a personal story that touched on such meaningful subject. Honestly, I am quite worried with the offer to produce a feature film, but I will strive to present a good story."